

## Pembingkaian Visual Berita Krisis Lahad Datu

NORMAH MUSTAFFA  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

FARIDAH IBRAHIM  
*Infrastructure University Kuala Lumpur*

### ABSTRAK

Visual memainkan peranan penting dalam memberi gambaran yang jelas tentang sesuatu kejadian kepada khalayak. Visual boleh dianggap sebagai alat komunikasi yang berkuasa untuk mencetuskan tindakbalas emosi yang tinggi dan boleh diingati berbanding perkataan semata-mata. Penggunaan visual dalam pelaporan sesuatu berita krisis berupaya membantu khalayak untuk lebih memahami sesuatu peristiwa yang berlaku. Artikel ini bertujuan mengenal pasti pembingkaian visual dalam liputan berita krisis Lahad Datu yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis visual yang dipaparkan dalam kedua-dua akhbar dalam tempoh masa 20 hari iaitu bermula 1 hingga 20 Mac 2013. Kajian ini menggunakan model pembingkaian visual yang dipelopori oleh Rodriguez dan Dimitrova (2011) yang mencadangkan model empat tahap bingkai visual iaitu pertama, visual sebagai sistem denotatif; kedua, visual sebagai sistem semiotik-stilistik; ketiga, visual sebagai sistem konotatif; dan visual sebagai perwakilan ideologi. Sistem ini boleh diaplikasikan untuk menganalisis sebarang jenis kandungan visual media atau persepsi khalayak terhadap kandungan tersebut. Hasil kajian mendapati kedua-dua akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* menggunakan sistem denotatif dalam melaporkan visual tentang berita krisis Lahad Datu ini. Dua bingkai utama yang ditonjolkan adalah bingkai politik dan kemanusiaan manakala bingkai pemimpin mendominasi liputan visual dalam konteks berita krisis ini. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar turut menggunakan sumber visual dari agensi antarabangsa seperti *Associated Press* (AP), AFP dan *Reuters*.

**Kata kunci:** *Pembingkaian visual, krisis, mesej, Lahad Datu, denotative.*

## Visual Framing of Lahad Datu's Crisis News

### ABSTRACT

Visual plays an important role in giving a clear picture of what happened to the audience. Visual can be considered as a powerful communication tool to trigger high emotional response and can be remembered rather than words. The visual used in reporting a crisis story tries to help the audience understand what is happening. This article aims to identify visual frames utilized in the Lahad Datu crisis news coverage, published in *Utusan Malaysia* and *Berita Harian*. The content analysis method was used to analyze the visuals displayed in both newspapers within 20 days; from 1<sup>st</sup> to 20<sup>th</sup> March 2013. This study uses visual framing model introduced by Rodriguez and Dimitrova (2011) which proposes a four-stage visual frame model i.e., first, visual as a denotative system; second, visual as a semiotic-stylized system; third, visual as a connotative system; and visuals as an ideological representation. These systems can be applied to analyze any type of media visual content or audience perceptions of the content. The finding shows that both *Utusan Malaysia* and *Berita Harian* use a denotative system in reporting visually the Lahad Datu crisis. The two frames highlighted were political and humanitarian while the leader frame dominated visual coverage in the

context of the crisis news. The finding also shows that both newspapers use visual resources from international agencies such as the Associated Press (AP), AFP and Reuters.

**Keywords:** *Visual framing, crisis, message, Lahad Datu, denotative.*

## PENGENALAN

Akhbar dahulunya telah digunakan untuk pelbagai tujuan termasuklah memperkukuhkan tapak penjajahan iaitu dengan mengembangkan sayap, menyebarkan serta memantapkan penaklukan ekonomi, sosial, politik dan budaya. Selepas merdeka, akhbar digunakan dengan lebih meluas lagi bagi menyebarkan dan menyokong kegiatan pembangunan sosioekonomi (Mansor, 1983). Kini, akhbar bukan sahaja diperlukan untuk memberitahu, mendidik dan memotivasi masyarakat ke arah matlamat pembangunan yang ditetapkan oleh kerajaan, tetapi juga diharap bergerak seiring dengan polisi kerajaan untuk mengekalkan kewujudan dan kesinambungan dunia kewartawanan. Akhbar dan media lain diharap dapat membantu kerajaan memupuk semangat memahami dan mengukuhkan persahabatan dan perpaduan antara kaum di negara ini (Faridah et al., 2011).

Realitinya, media tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan seharian kita dan ia sememangnya menjadi satu keperluan kepada masyarakat. Media memberi penjelasan tentang apa yang berlaku sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Media menjadi semakin penting sekiranya berlaku kejadian luar jangkaan kerana khalayak 'terdesak' untuk mendapatkan berita bagi mengetahui kronologi peristiwa dan perkembangannya. Sifat ingin tahu khalayak ini menyebabkan media itu masih relevan, penting dan diperlukan dalam urusan kehidupan masyarakat.

Yehuda et al. (2013) dalam kajiannya telah menjelaskan peranan yang dimainkan oleh media meliputi penetapan agenda dalam mengetengahkan topik-topik tertentu serta liputan yang dibuat juga melibatkan rangka yang mengubah peristiwa. Peristiwa ataupun krisis yang berlaku perlu diambil kira kebenarannya kerana liputan berita berkenaan akan dipaparkan di dalam akhbar terutamanya untuk memberi penjelasan kepada khalayak. Sesuatu berita yang dipaparkan oleh media terutamanya menerusi akhbar boleh diketahui dengan lebih jelas melalui pembingkajian. Pembingkajian berita adalah satu idea dalam memperlihatkan sama ada saluran berita ini dapat memberi satu kesan kepada khalayak dalam menjelaskan sesuatu makna yang ada dalam peristiwa ataupun kes yang dilaporkan itu.

Pembingkajian berita dilihat sebagai pengganti kepada penentuan agenda yang dilihat tidak mampu memberitahu apa yang perlu difikirkan melalui satu skema pemberitaan yang lebih sistematik dan mendalam terutamanya apabila menyentuh tentang proses pemilihan dan penonjolan dalam penerbitan sesebuah berita. Menurut Scheufele (1999), bingkai berita adalah satu aspek kritikal kepada cara bagaimana berita mempengaruhi masyarakat kerana bingkai berita itu dapat menentukan perkara penting dan inti pati utama dalam sesuatu isu. Manakala Bateson (1972) melihat bingkai sebagai satu alat meta komunikasi yang telah menetapkan parameter bagi sesuatu yang berlaku. Jelaslah pembingkajian berita itu mampu untuk menjelaskan dengan lebih mendalam berkenaan sesuatu peristiwa dan pembaca dapat memberi satu tindak balas terhadap isu yang dilaporkan itu.

Khalayak sangat bergantung kepada media massa untuk mendapatkan maklumat terutama ketika krisis atau konflik. Dalam situasi genting ini, cara maklumat dibingkai menjadi semakin penting. Teori pembingkajian mencadangkan bahawa liputan berita boleh

membantu perubahan pendapat publik dengan memperkenalkan definisi dan interpretasi isu politik tertentu (Shah, Watts, Domke & Fan, 2002).

Ini bermakna bahawa akhbar diakui berperanan sebagai pengantara utama dalam komunikasi massa dan memberi maklumat kepada pembaca tentang pelbagai perkembangan yang berlaku dalam masyarakat setiap hari. Malah, akhbar merupakan sumber utama maklumat bagi kebanyakan orang. Pada masa kini, pemberitaan di dada akhbar sering memaparkan teks berserta visual yang berkaitan bagi menyokong keseluruhan mesej berita berkenaan. De Wolk (2001) berpendapat sekiranya terdapat unsur visual dalam berita, maka berita itu harus mempunyai kaitan dengan visual supaya khalayak dapat menghubungkan kedua-dua elemen ini. Jika visual tidak selari dengan teks berita, maka tumpuan khalayak akan beralih kepada visual dan menolak teks. Akibatnya, visual akan mengelirukan pembaca dan akhirnya wujud kegagalan dalam penyampaian berita atau mesej kepada khalayak pembaca. Teks berita tanpa visual kadangkala tidak difahami tetapi jika hanya visual yang dipaparkan berkemungkinan pembaca dapat mentafsir sendiri apa yang dilihat dan ingin disampaikan. Terdapat juga pemberitaan yang memaparkan visual dan teks tetapi tidak mempunyai perkaitan antara satu sama lain.

Dalam persekitaran berita, visual menggambarkan keaslian, kredibiliti dan kenyataan sesuatu berita serta memberi gambaran kepada khalayak pembaca seolah-olah mereka sedang menyaksikan sesuatu dengan mata mereka sendiri. Dalam hal ini, media berperanan menonjolkan visual yang sesuai untuk dipaparkan dengan berita yang disiarkan. Visual itu bukan sahaja berupaya menarik perhatian khalayak, malah menjadi pelengkap untuk memudahkan khalayak memahami berita yang dibaca. Visual yang disiarkan biasanya memaparkan individu atau sekumpulan individu atau sebuah negara dalam keadaan positif atau negatif atau sesuatu arah lain yang difikirkan sesuai. Pemaparan visual negatif atau positif tentang individu, negara ataupun kumpulan mungkin membina satu persepsi di dalam minda khalayak dan kadang-kadang pendapat ini terbentuk akibat membaca atau mendengar maklumat yang telah dilaporkan melalui media massa.

Hakikatnya, visual dan krisis mempunyai perkaitan iaitu visual memudahkan akses kepada krisis (Moeller, 1989). Bagi kebanyakan individu, visual adalah penghubung kepada lokasi kejadian iaitu salah satu cara mempelajari krisis. Pengetahuan yang diperolehi menerusi visual sesuatu krisis mempunyai kesan ke atas sikap masyarakat terhadap krisis. Ini menunjukkan kepentingan visual dalam pemberitaan krisis tidak dapat dinafikan lagi memandangkan ia membantu pembaca dalam memahami dengan jelas akan krisis berkenaan selain bergantung kepada teks berita sahaja.

Penggunaan visual sudah tentu banyak membantu sesuatu berita kelihatan menarik untuk dibaca dan difahami dengan lebih mendalam. Peranan sesuatu visual dalam akhbar sememangnya telah memberikan impak yang sangat hebat bagi setiap pembaca untuk menginterpretasikannya mengikut kepada kefahaman sendiri. Hal ini turut berkaitan dengan perkaitan visual dengan berita yang disampaikan sama ada mempunyai hubungan secara langsung atau tidak kerana visual yang mempunyai perkaitan sahaja mampu memberikan kesan positif ke atas daya ingatan seseorang khalayak (Normah Mustaffa et al., 2011).

Visual yang digunakan dalam akhbar mampu mewujudkan emosi yang kuat kepada pembaca dan mereka boleh membayangkan apa yang dilaporkan dalam teks berita berkenaan. Perlmutter (1999) menyatakan bahawa sesuatu berita akan menjadi lebih penting apabila disertakan dengan visual yang menonjolkan aspek penting dalam berita tersebut. Roger dan Thorson (2000) berpendapat bahawa visual yang disertakan dalam berita akan kelihatan lebih dekat dengan realiti dan mempunyai kuasa untuk

membangkitkan emosi pembaca. Sesuatu peristiwa yang berlaku akan lebih difahami apabila visual yang digunakan dapat memberikan gambaran yang sebenar terhadap peristiwa tersebut. Pelaporan berita berkaitan krisis yang turut menggunakan visual adalah bertujuan untuk menarik minat pembaca walaupun tidak semua visual yang dipaparkan mempunyai perkaitan dengan berita yang cuba disampaikan. Normah et al. (2009) mendapati bahawa gambar bersifat minat ramai (*human interest*) dalam berita perang dapat menarik minat dan meningkatkan daya ingatan pembaca.

#### KRISIS LAHAD DATU

Seluruh warga negara ini dikejutkan dengan berita tergepar mengenai pencerobohan yang berlaku di Lahad Datu. Pencerobohan ini melibatkan tentera Filipina yang dihantar oleh Sultan Sulu untuk datang ke sempadan negeri Sabah bagi menuntut hak kawasan tersebut. Kawasan berkenaan dikatakan sebahagian daripada Kesultanan Sulu dan mereka mempunyai hak ke atas kawasan tersebut. Tentera Kesultanan Sulu dari Filipina mula memasuki kawasan sempadan Sabah iaitu di Kampung Tandou dan dipercayai dari Pulau Sibutu dan Pulau Sipangkot.



Rajah 1: Peta kawasan pencerobohan di Lahad Datu, Sabah

Kronologi peristiwa sebelum terjadinya peperangan di Lahad Datu ini diceritakan mengikut hari demi hari bermula 9 Februari 2013 seperti yang dilaporkan sendiri oleh media iaitu penceroboh memasuki perairan negara menggunakan bot pancung dan berkumpul secara berperingkat di Felda Sahabat 17, Kampung Tanduo, Lahad Datu.

Kumpulan itu dikenal pasti berpecah di beberapa lokasi di kampung tersebut iaitu di kawasan sungai bakau, sebuah surau dan rumah Ahmad Malandi atau dikenali sebagai Mad Bon. Justeru, kerajaan Filipina menghantar sebuah kapal dalam misi kemanusiaan untuk membawa pulang kumpulan 180 anggota termasuk 30 pengawal bersenjata yang bertahan di Lahad Datu, Sabah. Keselamatan dan maruah negara Malaysia telah dicabul apabila kumpulan ini tidak menghiraukan perundingan secara damai yang cuba dilakukan. Maka, pada 1 Mac 2013, keadaan telah menjadi semakin teruk apabila berlaku pertembungan antara pasukan keselamatan negara dan kumpulan penceroboh ini ketika mereka cuba untuk keluar daripada kepungan polis di Kampung Tanduo.

Pertumpahan darah yang berlaku telah menyebabkan peristiwa ini semakin sulit dan pertempuran yang berlaku telah menggugat keselamatan penduduk di kawasan utama kejadian iaitu di Kampung Tandou, Lahad Datu. Peristiwa pencerobohan Lahad Datu ini

dianggap sebagai satu krisis peperangan yang telah melibatkan dua buah negara iaitu Malaysia dan Filipina dalam mempertahankan hak masing-masing. Menurut Spence et al. (2007), krisis secara umumnya ditakrifkan sebagai sesuatu yang tidak dijangka, peristiwa rutin atau siri peristiwa yang mewujudkan tahap ketidakpastian serta mengancam termasuk keselamatan nyawa, harta benda, individu umu dan kesejahteraan masyarakat. Krisis yang berlaku ini adalah krisis yang melibatkan negara yang mana telah melibatkan pengorbanan nyawa daripada kedua-dua pihak. Bagi pihak kerajaan negara Filipina, walaupun Kesultanan Sulu telah membuat tuntutan ke atas kawasan di negeri Sabah tetapi pihak kerajaan juga mahukan kepastian sama ada mereka benar-benar berhak ke atas tuntutan itu atau sebaliknya. Kebenaran terhadap tuntutan yang dibuat itu perlu disiasat sebaik-baiknya bagi mendapatkan kepastian dan pihak kerajaan sendiri perlu bertanggungjawab mengenai krisis besar yang melibatkan negara.

Dalam situasi genting seperti ini, pelaporan tentang krisis yang berlaku mendapat liputan yang meluas dalam akhbar tempatan. Akhbar aliran perdana seperti Berita Harian dan Utusan Malaysia telah memaparkan berita krisis ini hampir setiap hari di samping penggunaan visual yang disertakan bersama berita bagi memberi gambaran sebenar tentang krisis yang berlaku ini. Pemaparan visual ini telah memberi satu perspektif yang berbeza bagi khalayak memahami berita krisis ini. Sehubungan itu, pemaparan visual dalam kedua-dua akhbar ini akan menjadi fokus utama artikel ini dengan penekanan kepada pendekatan pbingkai visual. Menurut Seon et al. (2011), pemberitaan krisis melalui pbingkai dapat membantu dalam melihat persepsi orang awam terhadap peristiwa atau krisis yang berlaku. Melalui pbingkai visual berita krisis ini juga mampu membuatkan khalayak membuat satu kesimpulan terhadap apa yang berlaku dalam kehidupan realiti mereka.

#### PEMBINGKAIAN VISUAL

Para sarjana komunikasi terdahulu sering mengkaji sifat berita, namun terkini mereka lebih memfokuskan kepada bagaimana sesuatu berita itu dibingkai. Walaupun kajian pbingkai semakin berkembang, namun asas utama teori pbingkai telah diaplikasikan terutamanya untuk menganalisis teks (Berger, 1991). Persoalan bagaimana isu dibingkai menerusi visual sama ada yang berdiri sendiri (*stand alone*) atau disertakan dengan teks secara relatifnya masih kurang dilakukan (Bell, 2001). Ketidakseimbangan ini perlu diperbetulkan dengan mengambil kira visual sebagai alat komunikasi yang boleh menambah atau mengurangkan kesan (Messaris & Abraham, 2001) atau kadangkala melebihi mesej yang terkandung dalam teks (Wischmann, 1987). Coleman (2010) turut menyatakan bahawa pbingkai visual menjadi satu arah penting untuk pembinaan teori dan kajian masa hadapan.

Salah satu sebab mengapa kurangnya kajian yang menggunakan pbingkai visual berbanding dengan pbingkai teks adalah kerana terdapat percanggahan tentang bagaimana pbingkai visual sepatutnya dikenal pasti. Sehingga ke hari ini, kaedah untuk mengenal pasti pbingkai visual masih kekal sebagai satu cabaran. Ada pengkaji yang melihat kepada tema (Borah & Bulla, 2006, 2007; Patridge, 2005) dan ada yang mendedahkan ideologi dalam sesuatu persembahan visual (Griffin, 2004; Griffin & Lee, 1995). Keadaan ini mewujudkan kurangnya keseragaman konsep dan metodologi walaupun pemboleh ubah yang dikaji adalah sama.

Namun, Smetko dan Valkenburg (2000) berpendapat kekurangan kajian pbingkai visual disebabkan tiada set standard yang wujud dalam pbingkai untuk

menganalisis visual. Malah, ramai penyelidik dikatakan menganalisis visual dengan pandangan terbuka untuk mendedahkan pbingkaian yang mungkin muncul dan bukannya melihat kepada sejauh mana visual tersebut diletakkan kepada pbingkaian yang telah ditetapkan.

Salah satu bidang dalam penyelidikan komunikasi yang semakin berkembang ialah penelitian tentang bagaimana organisasi berita menggunakan visual sebagai alat pbingkaian. Ketiadaan visual dalam sesebuah akhbar yang melaporkan berita krisis menyebabkan khalayak tidak mampu menggambarkan keadaan yang sama seperti tafsiran pihak media. Dalam situasi ini, visual dikatakan memainkan peranan penting bagi membolehkan gambaran krisis peperangan di kawasan kejadian dapat diterjemahkan oleh pembaca yang langsung tiada pengalaman berkaitan kawasan tersebut.

Menurut Schwalbe (2006), pbingkaian visual adalah satu proses yang jelas dan berterusan iaitu bermula dengan pemilihan peristiwa untuk dibuat liputan, diikuti dengan pemilihan gambar yang akan diambil dan bagaimana membawa gambar tersebut menjadi satu sudut, perspektif, andaian dan sebagainya untuk dipaparkan dalam laporan berita. Brugin (1982) pula mendefinisikan pbingkaian visual sebagai kualiti imej yang dilihat dan bagaimana ianya disusun mengikut cara yang betul, mengikut bingkai yang telah ditetapkan serta mementingkan elemen-elemen gambar yang diambil supaya kepentingan mesej yang hendak disampaikan jelas.

Kajian lepas membuktikan bahawa visual adalah alat komunikasi yang berkuasa untuk mencetuskan tindakbalas emosi yang tinggi dan boleh diingati berbanding perkataan semata-mata (Coleman, 2010; Graber, 1988). Visual juga dianggap sebagai alat pbingkaian yang berkesan kerana visual kurang mengganggu berbanding perkataan dan seterusnya memerlukan hanya sedikit pemprosesan kognitif (Hertog & McLeod, 2001). Secara hakikatnya, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa apabila ada konflik antara pbingkaian teks dan visual, pbingkaian visual biasanya akan menang (Ferguson, 2001). Ini disebabkan visual lebih rapat kepada realiti dan visual juga berupaya mewujudkan pengaruh emosi yang kuat dalam kalangan pembacanya.

Menurut Wischmann (1987), visual adalah alat pbingkaian yang baik kerana keupayaannya untuk menjelaskan isu yang kabur dan mengurangkan limpahan fakta. Adalah penting untuk mengkaji dengan lebih mendalam hubungan antara kandungan berita dengan pbingkaian visual kerana kebanyakan khalayak mengumpulkan maklumat tentang krisis melalui media. Namun, perlu dijelaskan bahawa hanya visual yang berkaitan sahaja yang mempunyai kesan positif ke atas memori seseorang khalayak. Ini menunjukkan bahawa tidak semua visual yang dapat memberi kesan ke atas sesuatu berita.

Kajian terdahulu membuktikan bahawa terdapat tiga hubungan utama antara berita dengan visual, iaitu pertindihan, pelengkap dan penambahan (Willows & Houghton, 1987). Pertindihan merujuk kepada persamaan kandungan yang disiarkan dalam teks dan visual iaitu setiap satunya menjelaskan berita yang sama dan mengulangi idea utama. Pelengkap pula dicirikan dengan kandungan yang berbeza dalam teks dan visual yang setiap satunya diperlukan untuk memahami idea utama. Penambahan pula merujuk kepada kandungan yang berbeza dalam teks dan visual dengan satu elemen adalah dominan dalam menjelaskan idea utama manakala satu elemen lagi menjelaskan apa-apa yang dibicarakan dalam elemen yang dominan tersebut.

Dalam masyarakat yang sentiasa meletakkan nilai tinggi terhadap akhbar, ia menjadi bertambah penting untuk meneliti bagaimana organisasi media mbingkaikan kandungan media yang dapat mempengaruhi cara khalayak memahami sesuatu peristiwa atau kejadian

(Kim 2002). Semasa krisis, pumbingkaian media mempunyai kesan terhadap pembentukan pendapat dan mempengaruhi sikap dan tingkahlaku (Chong & Druckman, 2007). Bagaimana organisasi media mumbingkaikan krisis menjadi bidang penelitian penting yang memberi faedah hasil kesinambungan penelitian oleh penyelidik sosial.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pemberitaan visual tentang krisis Lahad Datu dan menentukan bingkai apa yang digunakan oleh organisasi media dalam mempersembahkan krisis ini kepada khalayak. Pendekatan model pumbingkaian visual digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis bingkai visual dalam liputan berita krisis Lahad Datu ini.

#### MODEL PEMBINGKAIAN VISUAL

Messariss dan Abraham (2001) membahagikan visual kepada tiga ciri berbeza yang membolehkannya mumbingkai isu dan peristiwa. Ciri pertama ialah kualiti analogik visual. Ia merujuk kepada perkaitan antara visual dan makna yang berdasarkan kepada persamaan atau analogi. Pada tahap ini, keupayaan khalayak untuk mengenal pasti objek dalam gambar tidak memerlukan pengalaman atau pengetahuan lepas tentang objek yang dipersembahkan. Jika bahasa memerlukan peraturan tatabahasa, tiada peraturan tertentu yang diperlukan untuk memahami visual. Ciri kedua, pengindeksan visual yang dipinjam daripada istilah Peirce (1868) untuk membezakan gambar daripada imej lain. Gambar mempunyai nilai tersirat yang lebih mirip kepada kebenaran berbanding dengan bentuk komunikasi lain. Oleh itu, gambar menjadi bukti kepada sesuatu peristiwa atau kejadian. Ciri ketiga pula merujuk kepada kurangnya nilai tersurat dalam visual. Visual tidak mungkin setepat teks dalam menjelaskan keadaan seperti hubungan sebab akibat, iaitu satu ciri yang menjadi halangan dalam pengenalanpastian bingkai. Jurufoto dan penyunting merasakan mereka memberi makna tertentu visual melalui penulisan editorial yang mereka pilih. Khalayak pula memberi makna kepada sesuatu gambar berdasarkan konteks atau petanda lain dalam gambar berkenaan.

Pada tahun 2011, Rodriguez dan Dimitrova mencadangkan model empat tahap bingkai visual iaitu pertama, visual sebagai sistem denotatif; kedua, visual sebagai sistem semiotik-stilistik; ketiga, visual sebagai sistem konotatif; dan visual sebagai perwakilan ideologi. Sistem ini boleh diaplikasikan untuk menganalisis sebarang jenis kandungan visual media atau persepsi khalayak terhadap kandungan tersebut.

Tahap pertama iaitu visual sebagai sistem denotatif yang melihat visual sebagai satu pencetus atau perangsang yang mengaktifkan sel saraf di mata untuk menyampaikan maklumat kepada otak (Lester, 2006). Dalam konteks ini, bingkai dikenal pasti dengan menghitung objek dan elemen berbeza yang ditunjukkan dalam visual. Bingkai terbina dengan mengenal pasti elemen rekabentuk dan menyusun sensasi visual berkenaan kepada tema. Tahap ini merujuk kepada konsep denotatif yang dikemukakan oleh Barthes (1973, 1977) iaitu tahap makna pertama dalam menganalisis mesej visual. Panofsky (1970) merujuknya sebagai 'keadaan semulajadi sesuatu subjek' iaitu dengan bertanya 'siapa dan apa yang dipaparkan dalam visual berkenaan'. Tahap pertama pumbingkaian ini bergantung sepenuhnya kepada apa yang diperkatakan oleh Messaris dan Abraham (2001) sebagai sifat analogik dan indeksikal sesuatu imej. Sebagai contoh, gambar foto dianggap sesuatu yang analogik dengan realiti iaitu hubungan secara langsung antara yang dirakam oleh kamera dan apa yang sebenarnya dilihat dalam dunia sebenar. Walaupun bingkai difahami dengan mengenal pasti siapa atau apa yang sebenarnya dipaparkan, namun pumbingkaian pada tahap pertama ini bergantung kepada kenyataan bahawa seseorang itu mengenali sesuatu

hanya berdasarkan apa yang mereka tahu atau pernah alami. Bingkai dihasilkan daripada makna denotatif (tersurat) atau makna representasi yang digunakan seperti tajuk, kapsyen, atau teks keterangan yang disertakan dengan visual.

Tahap kedua iaitu visual sebagai sistem semiotik-stilistik. Ia merujuk kepada transformasi teknikal yang digunakan dalam sesuatu pemaparan. Ini termasuklah situasi gambaran untuk mendapatkan makna sosial seperti *close-up shot* menggambarkan keintiman, *medium shot* menggambarkan hubungan peribadi, *full shot* menggambarkan hubungan sosial, dan *long shot* menggambarkan konteks, skop dan jarak awam (Berger, 1991). Sebagai contoh, Fahmy (2004) telah menggunakan lima pemboleh ubah stilistik iaitu 'subordinasi visual', sudut pandangan, jarak sosial, hubungan imaginasi, tingkah laku dan hubungan umum untuk menggambarkan bagaimana wanita Afghanistan dipaparkan dalam foto Associated Press (AP). Salah satu imej yang dibingkai ialah imej wanita Afghanistan yang memakai 'burqa' iaitu sejenis tudung yang meliputi seluruh badan sebelum rejim Taliban. Namun selepas kejatuhannya, ramai di antara golongan wanita ini membuka 'burqa' dan tidak lagi memakainya. Pembingkai imej ini untuk memperlihatkan persepsi pembaca terhadap mereka dan kaitannya dengan rejim Taliban. Selepas kejatuhan Taliban, wanita dipaparkan sebagai 'lebih terlibat, interaktif, lebih intim dan seimbang' kepada pemerhati walaupun mereka masih dipaparkan dengan pakaian yang ringkas berbanding dengan wanita liberal Afghanistan. Fahmy berpendapat pembingkai visual merupakan satu aspek penjelasan yang membawa imej agar kelihatan lebih jelas dan lebih dekat dengan realiti. Imej yang lebih dekat dengan realiti mampu untuk memberi satu kesan mendalam kepada khalayak untuk merasakan diri mereka berada dalam situasi sebenar yang berlaku terutamanya menerusi pembingkai visual berita perang atau krisis.

Antara asas gambar yang sering dianalisis sebagai alat pembingkai ialah jarak sosial, modaliti visual, dan tingkah laku subjek (Bell, 2001). Jarak sosial berkait rapat dengan konsep kedekatan (*proxemics*) atau penggunaan ruang yang diperkenalkan oleh Hall (1966). Hall telah membuktikan bahawa perbezaan sempadan tidak nyata menggambarkan pandangan yang pelbagai. Pada jarak intim, kita boleh melihat muka dan kepala sahaja. Manakala pada jarak peribadi, kita ambil kira kepala dan bahu. Pada jarak peribadi yang jauh, kita nampak seseorang dari pinggang ke atas. Pada jarak sosial yang dekat, kita dapat melihat seluruh bentuk. Pada jarak sosial yang jauh, kita dapat melihat seluruh bentuk dengan kawasan di sekitarnya. Oleh itu, terdapat enam nilai yang boleh diberikan kepada jarak sosial berdasarkan bagaimana sesuatu badan manusia itu direpresentasikan dalam sesuatu bingkai iaitu intim, peribadi, peribadi jauh, sosial dekat, sosial jauh dan publik.

Modaliti visual pula merujuk kepada darjah ekspresi visual seperti warna, kedalaman dan tona bentuk sesuatu visual yang digunakan untuk mencipta realiti. Setiap dimensi ini dapat dilihat secara skala daripada skala yang rendah hingga skala yang tinggi. Dengan erti kata lain, modaliti boleh dinilai sebagai tinggi, sederhana dan rendah bergantung kepada tahap kedekatan sesuatu visual untuk menggambarkan realiti.

Tingkah laku subjek pula adalah tindakan dan gaya yang dipaparkan dalam bingkai. Ia mampu mewujudkan interaksi antara penonton dan orang yang digambarkan dalam visual tersebut. Sebagai contoh, apabila model memandang secara terus kepada mata penonton, hubungan langsung antara keduanya sudah terjalin.

Tahap ketiga adalah visual sebagai sistem konotatif. Pada tahap ini, orang dan objek dalam visual bukan sahaja merujuk kepada individu tertentu, benda atau tempat, tetapi lebih kepada idea atau konsep yang ada bersama mereka. Dalam konteks ini, visual berita dianalisis sebagai tanda dan hubungannya dengan tanda lain dalam sistem tanda yang



dinilai. Menurut Peirce (1868), terdapat tiga jenis tanda yang tidak sepadan iaitu ikon, indeks dan simbol. Dalam pendekatan ini, visual dianalisis kepada tiga jenis tanda iaitu sebagai simbol yang boleh menggabung, memampat dan mengkomunikasikan makna sosial. Bingkai berkembang dengan cara menganalisis secara kritis tanda yang lebih kompleks yang kebiasaannya terikat kepada interpretasi budaya. Akibatnya, makna yang diterima daripada sesuatu simbol adalah bersifat peribadi dan berbeza.

Menurut Peirce (1868), disebabkan simbol berakar umbi daripada budaya yang menghasilkannya, ia mencetuskan maklumbalas yang kuat daripada penonton berbanding ikon atau indeks. Kress dan Leeuwen (1996) menjelaskan terdapat dua jenis simbol iaitu pertama, simbol abstrak dalam bentuk atau objek yang mempunyai nilai simbolik. Simbol kedua ialah simbol figuratif atau paparan orang, tempat, atau benda yang mempunyai nilai simbolik. Contohnya, keruntuhan patung Saddam memberi simbol berakhirnya pemerintahan autoriter dan kebebasan rakyat Iraq. Penggunaan 'burqa' dalam kajian Fahmy turut dianggap sebagai bahan ikonik bagi pengantara visual peperangan. Penggunaan metafora visual sebagai bingkai juga terletak di bawah kategori ini. Metafora visual didefinisikan sebagai satu representasi konsep abstrak melalui imej konkrit yang mengandungi beberapa analogi kepada konsep berkaitan (Lule, 2003). Sebagai contoh, penggunaan bendera negara dalam berita bergambar memberi makna simbolik patriotisme.

Tahap keempat merujuk kepada visual sebagai representasi ideologi. Menurut Panofsky (1970), pada tahap ini visual dianalisis dengan mengambilkira prinsip asas untuk mendedahkan sikap bangsa, masa, kelas, agama atau falsafah. Ia menggabungkan simbol dan ciri stilistik sesuatu imej ke arah kesatuan interpretasi yang memberi jawapan 'mengapa' di sebalik representasi yang dianalisis. Pada tahap ini, persoalan ideologi yang timbul adalah seperti 'apa kepentingan yang cuba diketengahkan', 'suara siapa yang didengari', 'idea apa yang dominan'. Persoalan ini bukan sahaja merujuk kepada kepentingan politik dan ekonomi tetapi juga sebagai kuasa pembentukan kesedaran minda khalayak. Sebagai contoh, kajian Messaris dan Abraham (2001) yang menganalisis paparan imej *American-African* mendapati unsur stereotaip dalam imej yang menggambarkan perkaitan antara etnik dengan masalah sosial. Kajian Jamali (2014) juga mendapati bahawa komposisi visual akhbar sebenarnya membawa ideologi tersendiri selain daripada berita yang disiarkan. Gambar bukan sahaja sebagai objek yang bertujuan membujuk tetapi juga berperanan sebagai alat propaganda dengan cara yang tersendiri.

Sehubungan itu, model empat tahap bingkai visual Rodriguez dan Dimitrova (2011) ini boleh digunakan untuk menganalisis sebarang imej berita dalam medium yang berbeza. Dalam konteks artikel ini, model bingkai visual Rodriguez dan Dimitrova ini digunakan untuk mengidentifikasi dan menganalisis bingkai visual berita krisis Lahad Datu.

#### METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjelaskan krisis Lahad Datu menerusi pbingkaian visual ini, data diperolehi menerusi kaedah analisis isi kandungan dalam menentukan bagaimana visual digunakan untuk mbingkaikan krisis Lahad Datu. Berelson (1952) menyatakan bahawa analisis kandungan memberi tumpuan kepada kandungan sebenar dan ciri-ciri yang terdapat dalam sesebuah kandungan mesej secara objektif. Sehubungan itu, satu analisis pbingkaian dilakukan terhadap visual yang dipaparkan dalam berita krisis Lahad Datu yang disiarkan di akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian dalam tempoh masa 20 hari iaitu bermula 1-20 Mac 2013. Pemilihan tarikh dibuat berdasarkan kepada permulaan berlakunya krisis dan tarikh akhir peperangan Lahad Datu ini.

## HASIL KAJIAN

Pembingkai visual berita krisis Lahad Datu diuraikan daripada aspek kekerapan berita krisis yang disiarkan dalam kedua-dua akhbar, sistem pembingkai visual yang digunakan, bingkai visual yang dipaparkan, peranan visual dan sumber visual itu diperolehi.

Secara keseluruhan, sejumlah 530 berita yang berkaitan dengan krisis dipilih dan dianalisis untuk menentukan bingkai visual dominan yang digunakan dalam berita krisis Lahad Datu ini. Jadual 1 menunjukkan akhbar Utusan Malaysia banyak memaparkan berita krisis iaitu 331 (62.45%) berbanding akhbar Berita Harian 199 (37.55%) bagi menggambarkan situasi krisis ini.

Jadual 1: Kekerapan berita dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian

Tarikh	Utusan Malaysia		Berita Harian	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
1/3/2013	1	0.3	0	0
2/3/2013	7	2.1	8	4.0
3/3/2013	13	3.9	7	3.5
4/3/2013	14	4.2	6	3.0
5/3/2013	26	7.8	10	5.0
6/3/2013	33	10.0	24	12.0
7/3/2013	27	8.1	17	8.5
8/3/2013	19	5.7	17	8.5
9/3/2013	21	6.3	9	4.5
10/3/2013	20	6.0	11	5.5
11/3/2013	13	3.9	12	6.0
12/3/2013	16	4.8	7	3.5
13/3/2013	18	5.4	13	6.5
14/3/2013	23	6.9	15	7.5
15/3/2013	17	5.1	12	6.0
16/3/2013	12	3.6	7	3.5
17/3/2013	11	3.3	7	3.5
18/3/2013	11	3.3	6	3.0
19/3/2013	15	4.5	5	2.5
20/3/2013	14	4.2	6	3.0
<b>JUMLAH</b>	<b>331</b>	<b>100</b>	<b>199</b>	<b>100</b>

Pada 1/3/2013 hari bermulanya krisis ini, akhbar Utusan Malaysia hanya menyiarkan sebuah berita (0.3%) tetapi akhbar Berita Harian langsung tidak menyiarkan berita tentang krisis ini. Trend penerbitan berita krisis bagi kedua-dua akhbar menunjukkan peningkatan bermula pada hari ketiga krisis iaitu 3/3/2013 hingga 14/3/2013. Hari-hari seterusnya kedua-dua akhbar menunjukkan pengurangan berita krisis berkenaan. Berita krisis yang paling banyak disiarkan bagi kedua-dua akhbar ialah pada 6/3/2013 iaitu Utusan Malaysia sebanyak 33 berita (10.0%) dan Berita Harian sebanyak 24 berita (12.0%).

### *Sistem Pembingkai Visual*

Berdasarkan sejumlah 530 berita yang dikaji, kebanyakan berita disiarkan berserta dengan satu visual, dua atau lebih. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar banyak menggunakan pembingkai visual secara sistem denotatif. Akhbar Utusan Malaysia mencatatkan jumlah kekerapan yang tertinggi iaitu sebanyak 433 unit (64.6%) dan Berita Harian sebanyak 289 unit (61.9%). Bagi sistem stilistik semiotik pula, Utusan Malaysia masih mendominasi iaitu sebanyak 237 unit (35.4%) dan Berita Harian 178 unit (38.1%).

Jadual 2: Sistem Pembingkai Visual

Sistem	Utusan Malaysia		Berita Harian	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Denotatif	433	64.6	289	61.9
Semiotik-stilistik	237	35.4	178	38.1
<b>JUMLAH</b>	<b>670</b>	<b>100</b>	<b>467</b>	<b>100</b>

Jadual 2 menunjukkan bahawa setiap akhbar yang memaparkan pemberitaan krisis Lahad Datu ini sememangnya banyak menggunakan pembingkai visual sistem denotatif. Sistem denotatif ini banyak merujuk kepada berita yang memberi penjelasan dan penerangan dalam setiap pemaparan yang dibuat bagi menggambarkan realiti sebenar sesuatu peristiwa. Manakala bagi sistem semiotik-stilistik, visual yang digunakan tidak memberi maklumat jelas kepada pembaca seperti tiada penggunaan kata-kata penerangan atau teks untuk menerangkan sesuatu visual tersebut. Sistem stilistik-semiotik ini memaparkan visual yang menggunakan jarak dekat seperti *close up*.

### Bingkai Visual

Analisis mendapati daripada sejumlah 331 berita krisis yang dipaparkan dalam akhbar Utusan Malaysia, terdapat 670 visual disertakan bersama berita yang disiarkan. Manakala daripada 199 berita krisis Lahad Datu yang disiarkan dalam Berita Harian, sebanyak 530 visual yang disertakan dengan berita berkenaan.

Jadual 3 menunjukkan analisis kekerapan bingkai visual tentang krisis Lahad Datu yang dipaparkan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian. Hasil kajian menunjukkan bahawa bingkai visual pemimpin paling kerap digunakan dalam akhbar Utusan Malaysia iaitu sebanyak 187 (27.9%) berbanding 87 (18.6%) dalam Berita Harian.

Daripada 670 visual yang dipaparkan dalam Utusan Malaysia, bingkai visual yang turut dipaparkan ialah pemandangan lokasi 65 (9.7%), kenderaan 39 (5.8%) dan visual penduduk tempatan 38 (5.7%). Manakala daripada 467 visual dalam Berita Harian, selain visual pemimpin, akhbar ini turut memaparkan visual pemandangan lokasi 49 (10.5%), tentera Malaysia 46 (8.9%) dan visual penduduk 34 (7.3%).

Jadual 3: Kekerapan bingkai visual dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian

Akhbar	Utusan Malaysia		Berita Harian	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Pemimpin	187	27.9	87	18.6
Mangsa	21	3.1	24	5.2
Keluarga mangsa	41	6.1	34	7.3
Karikatur	0	0	0	0
Pemandangan lokasi	65	9.7	49	10.5
Tentera Malaysia	36	5.4	46	8.9
Pengganas sulu	28	4.2	5	1.1
Doktor	0	0	4	0.9
Sukarelawan	1	0.2	2	0.4
Alatan	24	3.6	26	5.6
Kenderaan	39	5.8	26	5.6
Penduduk	38	5.7	34	7.3
Anggota polis	23	3.4	30	6.4
Keranda	3	0.5	2	0.4
Bunting/poster	23	3.4	10	2.1
Ahli pertubuhan	33	4.9	15	3.2

Orang ramai	14	2.1	13	2.8
Bendera	13	1.9	2	0.4
Lain-lain	81	12.1	58	12.4
<b>JUMLAH</b>	<b>670</b>	<b>100</b>	<b>467</b>	<b>100</b>

Bingkai visual yang digunakan ini mempunyai tujuan dan maksud yang berbeza tetapi pemaparannya adalah untuk memberi gambaran jelas kepada khalayak tentang krisis di Lahad Datu. Bingkai visual pemimpin paling kerap digunakan dalam kedua-dua akhbar mungkin disebabkan oleh peristiwa itu sendiri yang melibatkan antara dua negara iaitu Malaysia dan Filipina. Justeru, pemimpin kedua-dua negara memainkan peranan penting dalam mengetuai kes yang berlaku seterusnya bertanggung jawab untuk menyelesaikan krisis yang menyebabkan pencerobohan di kawasan Lahad Datu.

### *Peranan Visual*

Visual yang digunakan dalam pemberitaan krisis Lahad Datu ini mempunyai pelbagai peranan. Akhbar Utusan Malaysia mencatatkan tiga peranan visual iaitu memberitahu sebanyak 379 (56.6%), diikuti peranan menjelaskan 271 (40.4%) dan peranan membujuk 20 (3.0%). Akhbar Berita Harian pula mencatatkan empat peranan iaitu memberitahu 269 (57.6%), menjelaskan 157 (33.6%), membujuk 28 (6.0%) dan mendidik 13 (2.8%).

Jadual 4: Peranan visual dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian

Peranan	Utusan Malaysia		Berita Harian	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Memberitahu	379	56.6	269	57.6
Menjelaskan	271	40.4	157	33.6
Membujuk	20	3.0	28	6.0
Mendidik	0	0	13	2.8
<b>JUMLAH</b>	<b>670</b>	<b>100</b>	<b>467</b>	<b>100</b>

Jadual 4 menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar memaparkan berita yang diiringi dengan visual yang berperanan memberitahu dan menjelaskan peristiwa tersebut. Memandangkan krisis ini melibatkan maruah dan nama negara, maka berita dan visual yang dipaparkan haruslah memberitahu dan menjelaskan keadaan sebenar supaya khalayak memahami perkembangan krisis tersebut.

### *Sumber Visual*

Sumber yang digunakan oleh akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian untuk kandungan visualnya turut dianalisis. Terdapat tujuh sumber visual yang digunakan dalam kajian ini iaitu Bernama, *Agence France-Presse* (AFP), *Reuters*, *Associated Press* (AP), Utusan Malaysia, Berita Harian dan lain-lain. Sumber visual daripada pihak lain-lain dalam pemaparan berita krisis Lahad Datu ini adalah daripada Kementerian Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan juga orang ramai. Dapatan kajian mendapati kedua-dua akhbar banyak menggunakan visual yang diperolehi dari sumber sendiri iaitu Utusan Malaysia 484 visual (72.2%) dan Berita Harian 288 visual (61.7%).

Jadual 5: Penggunaan sumber visual dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian

Akhbar	Utusan Malaysia		Berita Harian	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Bernama	133	19.9	108	23.1
<i>Agence France-Presse</i> (AFP)	13	1.9	0	0

<i>Reuters</i>	12	1.8	0	0
<i>Associated Press (AP)</i>	13	1.9	0	0
<i>Utusan Malaysia</i>	484	72.2	0	0
<i>Berita Harian</i>	0	0	288	61.7
Lain-lain	15	2.1	71	15.2
<b>JUMLAH</b>	<b>670</b>	<b>100</b>	<b>467</b>	<b>100</b>

Jadual 5 menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar membuat liputan berita yang sama iaitu berita krisis, namun didapati akhbar Utusan Malaysia menggunakan sumber visual yang pelbagai iaitu Bernama 133 (19.9 %), AFP 13 (1.9%), AP 13 (1.9%) dan *Reuters* 12 (1.8%) dan lain-lain sumber 15 (2.1%). Akhbar Berita Harian pula hanya menggunakan sumber Bernama untuk 108 visual (23.1%) dan lain-lain untuk 71 visual (15.2%). Walaupun menunjukkan penggunaan sumber visual yang berbeza, namun liputan berita bagi kedua-dua akhbar tidak menunjukkan perbezaan yang nyata.

#### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pemaparan berita berkenaan krisis adalah sangat penting dalam memberi masyarakat selaku pembaca faham akan situasi sebenar yang berlaku dengan menggunakan pendekatan pementakan visual. Penggunaan visual dalam sesuatu berita krisis dapat membantu dan menjelaskan lagi peristiwa yang berlaku kepada khalayak. Dengan adanya visual, ia memudahkan dan membantu pemahaman berita dan memberi kesan positif kepada pembaca supaya boleh mentafsirkan sendiri apa yang terdapat dalam berita berkenaan. Dapatan kajian juga mendapati bahawa kedua-dua akhbar banyak menggunakan sistem pementakan denotatif iaitu penggunaan visual yang mampu memberi pemahaman yang jelas kepada khalayak selaku pembaca dalam memahami sesuatu berita yang dipaparkan. Ini juga bermakna bahawa visual yang digunakan adalah seiring dengan apa yang ingin dijelaskan kepada khalayak menerusi penyampaian maklumat berkenaan krisis Lahad Datu. Dapatan kajian ini turut menekankan kepentingan visual kerana ianya penting dalam pelaporan sesuatu berita krisis. Visual merupakan alat pementakan yang berkesan untuk memberi gambaran pertama cerita dan ia membantu khalayak mengingati peristiwa yang dipaparkan. Visual juga dapat menggambarkan keaslian sesuatu berita dan memberi gambaran kepada khalayak seolah-olah mereka sedang menyaksikan sesuatu dengan mata mereka sendiri.

#### PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil daripada dapatan kajian di bawah projek "Peranan Visual Dalam Berita Krisis Lahad Datu Sabah Menerusi Akhbar Aliran Perdana (DPP-2013-163).

#### BIODATA

*Normah Mustaffa* ialah Profesor Madya dalam bidang kewartawanan di Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif (IMIK), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah kewartawanan, komunikasi visual, media baharu dan literasi media. Email: normahm@ukm.edu.my

*Faridah Ibrahim* ialah Professor dalam bidang kewartawanan dan komunikasi di Infrastructure University Kuala Lumpur (IUUKL). Bidang kepakaran beliau ialah kewartawanan damai, etika media dan profesionalisme. Email: faridah@iukl.edu.my

#### RUJUKAN

- Barthes, R. (1973). *Mythologies*. London: Paladin.
- Barthes, R. (1977). *Image, music, text*. London: Fontana.
- Bateson, G. (1972). *A theory of play and fantasy: Steps to an ecology of mind, a revolutionary approach to man's understanding of himself*. New York: Ballentire Books.
- Bell, P. (2001). Content analysis of visual images. In T. Leeuwen & C. Jewitt (Eds.), *Handbooks of visual analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Berelson, B. (1952). *Content analysis in communication research*. New York: Free Press.
- Berger, P. (1991). *The social construction of reality*. New York: The Penguin Press.
- Borah, P., & Bulla, D. (2006). *The visual framing of the Indian Ocean Tsunami and Hurricane Katrina: A comparison of newspaper coverage in three countries*. Paper presented at the annual convention of the Association for Education in Journalism and Mass Communication, San Antonio, TX.
- Brugin, V. (1982). *Thinking photography*. London: MacMillan.
- Chong, D., & Druckman, J. M. (2007). Framing theory. *Annual Review*, 10(1), 103-126.
- Coleman, R. (2010). Framing the pictures in our heads: Exploring the framing and agenda-setting effects of visual images. In D'Angelo & Kyupers (Eds.), *Doing news framing analysis: Empirical and theoretical perspectives*. New York: Routledge.
- De Wolk, R. (2001). *Introduction to online journalism*. London: Allyn & Bacon.
- Fahmy, S. (2004). Picturing Afghan women: A content analysis of AP wire photographs during the Taliban regime and after the fall of the Taliban regime. *Gazette*, 66(2), 91-112.
- Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa, Chang Peng Kee, & Fauziah Ahmad. (2011). Images and issues of superpowers: An analysis of international news coverage by government-owned news agency, Bernama in four national dailies in Malaysia. *The Innovation Journal: The Public Sector Innovation Journal*, 16(3), 2-15.
- Graber, D. A. (1988). *Processing the news*. New York: Longman.
- Griffin, M. 2004. Picturing America's 'war on terrorism' in Afghanistan and Iraq: Photographic motifs as news frames. *Journalism*, 5(1), 381-402.
- Griffin, M., & Lee, J. (1995). Picturing the gulf war: Constructing the image of war in Time, Newsweek, and US News & World Report. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 72(4), 813-835.
- Hall, E. (1966). *The hidden dimension*. New York: Doubleday.
- Hertog, J. K., & McLeod, D. (2001). A multi-perspectival approach to framing analysis: A field guide. In Reese, S. D., Gandy, O., & Grant, A. (Eds.), *Framing public life: Perspective on media and our understanding of the social world*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Jamali Bujang Sanawi. (2014). Ideologies underlying the use of photographs in newspaper coverage of Bersih 3.0 rally: A social semiotic analysis. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 30(2), 41-60.
- Kress, G., & van Leeuwen, T. (1996). *Reading images: The grammar of visual design*. London: Routledge.
- Lester, P. M. (2006). *Visual communication: Images with messages* (4th ed.). Belmont, CA: Wadsworth Thomson.
- Lule, J. (2003). *War and its metaphors: News language and the prelude to war in Iraq, 2003*. Paper presented at the annual convention of the Association for Education in Journalism and Mass Communication, Kansas City, KS.

- Messariss, P., & Abraham, L. (2001). *Framing public life: Perspectives on media and our understanding of the social world*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Normah Mustaffa, Nurul Ain A. Hamid, Faridah Ibrahim, Fauziah Ahmad, & Mohd. Helmi Abd Rahim. (2011). Visual dan pemberitaan perang dalam media di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 65-74.
- Normah Mustaffa, Faridah Ibrahim, & Mus Chairil Samani. (2009). The effects of pictures on the order off accessing online war stories. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 25, 13-20.
- Panofsky, E. (1970). *Meaning in the visual arts*. Harmondsworth: Penguin.
- Patridge, L. (2005). *A visual and textual framing analysis of terrorism: The case of Beslan, Russia* (Unpublished master's thesis, Iowa State University).
- Perlmutter, D. (1999). *Visions of war: Picturing warfare from the stone age to the cyber age*. New York: St Martin's Griffin.
- Peirc, C. S. (1868). On the new list of categories. *Proceedings of the American Academy of Arts and Sciences*, 7, 287-298.
- Rodriguez, L., & Dimitrova, D. V. (2011). The levels of visual framing. *Journal of Visual Literacy*, 30(1), 48-65.
- Roger, S., & Thorson, E. (2000). Fixing stereotypes in news photos: A synergistic approach with The Los Angeles Times. *Visual Communication Quarterly*, 7, 8-11.
- Scheufele, D. A. (1999). Framing as a theory of media effects. *Journal of Communication*, 49(1), 103-122.
- Schwalbe, C. B. (2013). Visually framing the invasion and occupation of Iraq in Time, Newsweek, and US News & World Report. *International Journal of Communication*, 7, 239-262.
- Seon, K. A., Gower, K. K., & Seung, H. C. (2011). Level of crisis responsibility and crisis response strategies of the media. *Journal of Communication Management*, 15(1), 70-83.
- Semetko, H. A., & Valkenburg, P. M. (2000). Framing European politics: A content analysis of press and television news. *Journal of Communication*, 50(2), 93-109.
- Spence, P. R., Lachlan, K. A., & Griffin, D. R. (2007). Crisis communication, race and natural disasters. *Journal of Black Studies*, 37(4), 539-554.
- Willows, D. M., & Houghton, H. A. (1987). *The psychology of illustration 1: Basic research*. New York: Springer.
- Wischmann, L. (1987). Dying on the front page: Kent State and the Pulitzer Prize. *Journal of Mass Media Ethics*, 2, 67-74.
- Yehuda, H. B., Naveh, C., & Banchile, L. (2013). When media and world politics meet: Crisis press coverage in the Arab-Israel and East-West Conflicts. *Media, War & Conflict*, 6(1), 71-92.